



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2001**

---

**PERTUKARAN PELANTIKAN ANGGOTA DALAM SKIM  
PERKHIDMATAN JUMUD KEPADA SKIM PERKHIDMATAN  
SISTEM SARAAN BARU (SSB) YANG TIDAK JUMUD**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan supaya anggota-anggota dalam skim perkhidmatan jumud yang tiada peruntukan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ditukar lantik kepada skim perkhidmatan SSB yang tidak jumud.

**LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengkaji semula semua skim perkhidmatan jumud yang tiada KPSL bagi membuka peluang kemajuan kerjaya kepada anggota dalam skim perkhidmatan tersebut. Dengan itu, kerajaan telah bersetuju, di mana berkenaan,

supaya anggota terlibat ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang tidak jumud yang bersesuaian.

### **SKIM PERKHIDMATAN JUMUD YANG MENDAPAT FAEDAH DALAM URUSAN INI**

3. Setelah kajian dibuat, hanya skim-skim perkhidmatan yang telah dikenalpasti dan berdasarkan kriteria-kriteria kesesuaian fungsi dan bidang tugas, keseragaman skim bagi fungsi yang setanding di pelbagai agensi, keperluan agensi dan peluang kemajuan kerjaya kepada anggota seperti di **Lampiran A** akan diteruskan pelaksanaannya.

4. Bagi skim-skim perkhidmatan seperti di **Lampiran A1**, pelaksanaannya ditangguhkan dahulu bagi membolehkan jabatan ini menyelesaikan masalah-masalah perkhidmatan berkaitan dengan pelanggaran syarat, perjawatan dan penyemakan semula tugas dengan agensi-agensi yang berkaitan.

### **SYARAT UMUM PERTUKARAN PELANTIKAN DI BAWAH URUSAN INI**

5. Urusan tukar lantik ini hanya melibatkan anggota dalam skim perkhidmatan jumud yang memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (i) anggota telah dilantik tetap dalam skim perkhidmatan jumud tiada peruntukan KPSL **sebelum** dan **semasa** SSB sehingga tarikh kuatkuasa urusan ini;
- (ii) anggota telah membuat opsyen untuk memilih SSB; dan
- (iii) (iii) anggota telah dilantik tetap dalam skim perkhidmatan ad hoc yang telah dijumudkan semasa SSB.

6. Anggota yang menerima opsyen di bawah urusan ini hendaklah tertakluk kepada:-

- (i) bersedia dan sanggup untuk menerima tanggungjawab dalam skim perkhidmatan baru yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan berkenaan;
  - (ii) bersedia dan sanggup untuk menerima mana-mana penempatan yang ditentukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatannya; dan
  - (iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan ini.
7. Anggota yang tidak menerima opsyen dalam urusan ini **kekal dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga meninggalkan perkhidmatan** melalui peletakan jawatan, persaraan, penamatan perkhidmatan atau dibuang kerja.

#### **KAEDAH PELAKSANAAN**

8. Bagi melaksanakan urusan ini, Ketua Jabatan, Pihak Berkuasa Melantik dan anggota yang terlibat hendaklah mengikut kaedah-kaedah seperti berikut:-

##### **8.1 Ketua Jabatan**

- (i) mengenalpasti anggota dalam skim perkhidmatan jumud yang ditetapkan di bawah urusan ini;
- (ii) memberi penjelasan secara terperinci syarat-syarat opsyen kepada anggota yang terlibat serta implikasi keputusan yang dibuat dengan mengambil kira syarat umum di perenggan 6;

- (iii) mengemukakan senarai anggota yang terlibat kepada Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan yang akan mengeluarkan surat tawaran melalui Ketua Jabatan;
- (iv) menyampaikan surat tawaran kepada anggota yang terlibat;
- (v) memastikan anggota yang layak dalam skim-skim perkhidmatan di **Lampiran A** mengisi jawatan kosong yang sedia ada seperti yang ditetapkan di ruang 4 **Lampiran A**;
- (vi) merujuk kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mewujudkan jawatan secara KUP sekiranya tiada kekosongan jawatan seperti di perenggan 8.1 (v) di agensi berkenaan dan jawatan ini akan dimansuhkan apabila anggota meninggalkan perkhidmatan;
- (vii) menghubungi Bahagian Saraan, JPA untuk mendapatkan matriks gaji yang baru jika matriks gaji SSB tidak boleh menampung gaji anggota yang ditukar lantik di bawah urusan ini;
- (viii) menyesuaikan bidang tugas dan tanggungjawab anggota terlibat selaras dengan skim perkhidmatan yang ditawarkan;
- (ix) mengemaskini buku perkhidmatan anggota terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (x) melaporkan kepada Bahagian Saraan, JPA implikasi kewangan yang terlibat dalam melaksanakan urusan ini dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran B**.

## 8.2 Pihak Berkuasa Melantik

- (i) mengeluarkan surat tawaran pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen kepada setiap anggota melalui Ketua Jabatan. Contoh Surat Tawaran, Syarat Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen serta Kertas Opsyen adalah seperti di **Lampiran-Lampiran C, C1 dan C2.**

## 8.3 Anggota

- (i) membaca dengan teliti serta faham syarat-syarat opsyen sebelum membuat keputusan. Sebarang opsyen yang dibuat adalah muktamad; dan
- (ii) membuat pilihan sendiri dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tawaran. Sekiranya Ketua Jabatan tidak menerima keputusan opsyen selepas tempoh tersebut, anggota dianggap menolak opsyen dan akan kekal dalam perkhidmatan sekarang secara KUP sehingga mereka meninggalkan perkhidmatan.

## TARIKH KUATKUASA

9. Tarikh kuatkuasa urusan pertukaran pelantikan ini adalah mulai 1 Oktober 2001.

## UMUM

10. Mana-mana agensi yang mempunyai anggota dalam skim perkhidmatan jumud yang tiada KPSL yang tidak tersenarai dalam **Lampiran-Lampiran A dan A1**, bolehlah mengemukakan maklumat-maklumat yang berkaitan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA selewat-lewatnya pada 30 Jun 2002 dengan menggunakan format seperti di **Lampiran-Lampiran D dan D1**. Walau bagaimanapun, urusan pertukaran pelantikan ini akan diproses secara berasingan.

11. 11. Ketua-ketua Jabatan/Agensi serta semua Pihak Berkuasa Melantik adalah diminta mengambil tindakan yang sewajarnya bagi melaksanakan keputusan di atas.


**PEMAKAIAN**

12. 12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**( DATO' SERI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

27 DISEMBER 2001

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PERTUKARAN PELANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN  
JUMUD KEPADA SKIM PERKHIDMATAN  
SISTEM SARAAAN BARU (SSB) YANG TIDAK JUMUD**

<b>Bil (1)</b>	<b>Nama Skim Jumud dan Gred Gaji SSB (2)</b>	<b>Kementerian/Jabatan/ Agensi (3)</b>	<b>Tukar Lantik Kepada Skim SSB (4)</b>	<b>Peluang Kemajuan Kerjaya (5)</b>
1.	Atendan  Gred N13	<b>Jabatan Kastam dan  Eksais Diraja  Malaysia</b>	<b>PAR  Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan
2.	Operator  Mesin  Gred N13	<b>Majlis Keselamatan  Negara</b>	<b>PAR  Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan
3.	Mesin  Operator  Gred N13	<b>Bahagian Kemajuan  Wilayah Persekutuan  dan Perancangan  Lembah Klang</b>	<b>PAR  Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan
4.	Operator  Mesin  Perkhidmatan  Gred N13	<b>Pihak Berkuasa  Tempatan</b>	<b>PAR  Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan
5.	Operator	<b>Kementerian</b>	<b>PAR</b>	* KPSL kepada 13 skim

	Mesin Penyalin Gred N13	<b>Pertanian Malaysia</b>	<b>Gred N13</b>	perkhidmatan berkenaan
6.	Inspektor Pencegah Malaria Gred U14	<b>Kementerian Kesihatan Malaysia</b>	<b>Pembantu Kesihatan Awam Gred U14</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada Pembantu Kesihatan Awam Gred U13 dan KPSL kepada Inspektor Kesihatan Gred U8
7.	Penjilid Buku (i) Gred N10	<b>Jabatan Perdana Menteri  Jabatan Perpustakaan Negeri Sabah</b>	<b>PTR Gred N10  PTR Gred N10</b>	KPSL kepada PT(P/0) Gred N9 atau PT(K) Gred N9

<b>Bil</b>  <b>(1)</b>	<b>Nama Skim Jumud dan Gred Gaji SSB</b>  <b>(2)</b>	<b>Kementerian/Jabatan/ Agensi</b>  <b>(3)</b>	<b>Tukar Lantik Kepada Skim SSB</b>  <b>(4)</b>	<b>Peluang Kemajuan Kerjaya</b>  <b>(5)</b>
(ii)	Penjilid Buku  Gred N11	<b>Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta</b>  <b>Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan</b>  <b>Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia</b>  <b>Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang</b>  <b>Jabatan Arkib Negeri Sabah</b>  <b>Pejabat Pengarah</b>	PTR  Gred N11	Berpeluang  dipertimbangkan  kenaikan pangkat kepada  PTR  Gred N10 dan KPSL  kepada  PT(P/O) Gred N9 atau  PT(K)  Gred N9

		<p><b>Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang</b></p> <p><b>Jabatan Perpustakaan Negeri Sabah</b></p> <p><b>Jabatan Ketua Menteri Sarawak - Muzium Negeri</b></p> <p><b>Jabatan Pertanian</b></p>		
8.	<p>Penjaga Pejabat Gred N13</p>	<p><b>Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia</b></p> <p><b>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang</b></p>	<p><b>PAR Gred N13</b></p>	<p>* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan</p>
9.	<p>Pelayan Pejabat Gred N13</p>	<p><b>Jabatan Buruh</b></p>	<p><b>PAR Gred N13</b></p>	<p>* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan</p>

<b>Bil</b>  <b>(1)</b>	<b>Nama Skim Jumud dan Gred Gaji SSB</b>  <b>(2)</b>	<b>Kementerian/Jabatan/ Agensi</b>  <b>(3)</b>	<b>Tukar Lantik Kepada Skim SSB</b>  <b>(4)</b>	<b>Peluang Kemajuan Kerjaya</b>  <b>(5)</b>
10.	Penghantar  Cepat  Gred N13	<b>Bahagian Keselamatan  Negara, Jabatan Perdana Menteri  Kementerian Pertanian  Malaysia  Jabatan Pengairan dan Saliran</b>	<b>PAR  Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim  perkhidmatan berkenaan
11.	Pencari Fail  Gred N13	<b>Kementerian Belia Dan Sukan  Kementerian Sumber Manusia  Jabatan Perhubungan Perusahaan</b>	<b>PAR  Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim  perkhidmatan berkenaan

		<b>Jabatan Tenaga Rakyat</b>		
		<b>Jabatan Buruh</b>		
		<b>Jabatan Pengairan Dan Saliran</b>		
		<b>Jabatan Perikanan</b>		
12.	Operator Mesin Addressgraf Gred N11	<b>Majlis Perbandaran Kuala Terengganu</b>	<b>PTR Gred N11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PTR Gred N10 dan KPSL kepada PT (P/O) Gred N9 atau PT(K) Gred N9
13.	Pembantu Veterinar Rendah Gred G10	<b>Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Negeri Sarawak</b>	<b>Atendan Haiwan Gred G10</b>	KPSL ke PTR Gred N11

<b>Bil</b>  <b>(1)</b>	<b>Nama Skim Jumud dan Gred Gaji SSB</b>  <b>(2)</b>	<b>Kementerian/Jabatan/ Agensi</b>  <b>(3)</b>	<b>Tukar Lantik Kepada Skim SSB</b>  <b>(4)</b>	<b>Peluang Kemajuan Kerjaya</b>  <b>(5)</b>
14.	Pembaca Prof  Gred N11	<b>Kemeterian Kesihatan Malaysia</b>  <b>Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia</b>  <b>Universiti Teknologi Malaysia</b>  <b>Kementerian Penerangan Malaysia</b>  <b>Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia</b>	<b>PTR</b>  <b>Gred N11</b>	Berpeluang  dipertimbangkan  kenaikan pangkat kepada  PTR  Gred 10 dan KPSL kepada  PT  (P/O) Gred N9 atau PT(K)  Gred N9
15.	Penyelia Dobi  Gred N9	<b>Kementerian Kesihatan Malaysia</b>	<b>PT(P/O)</b>  <b>Gred N9</b>	Berpeluang  dipertimbangkan

				kenaikan pangkat kepada PT(P/O) Gred N7 dan KPSL kepada PTT Gred N6
16.	Juruproses Filem X-Ray Gred U14	<b>Universiti Malaya</b>  <b>Universiti Sains Malaysia</b>  <b>Hospital Universiti</b>	<b>Atendan</b>  <b>Kesihatan</b>  <b>Gred U14</b>	* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan
17.	Penghantar Berita Gred N13	<b>Agensi Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)</b>	<b>PAR</b>  <b>Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan
18.	Pemungut Sewa Gred N11	<b>Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis</b>	<b>PTR</b>  <b>Gred N11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PTR Gred 10 dan KPSL kepada PT (P/O) Gred N9 atau PT(K) Gred N9

<b>Bil</b>  <b>(1)</b>	<b>Nama Skim Jumud dan Gred Gaji SSB</b>  <b>(2)</b>	<b>Kementerian/Jabatan/ Agensi</b>  <b>(3)</b>	<b>Tukar Lantik Kepada Skim SSB</b>  <b>(4)</b>	<b>Peluang Kemajuan Kerjaya</b>  <b>(5)</b>
19.	Pembantu Kebudayaan Belia & Sukan Gred N9	<b>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang</b>	<b>PT(P/O) Gred N9</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PT(P/O) Gred N7 dan KPSL kepada PPT Gred N6
20.  (i)	Pencatit Masa Gred N10	<b>Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang</b>	<b>PTR Gred N10</b>	KPSL kepada PT(P/O) Gred N9 atau PT(K) Gred N9
(ii).	Pencatit Masa Gred N11	<b>Kementerian Kesihatan Malaysia  Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang  Jabatan Bekalan Air</b>	<b>PTR Gred N11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PTR Gred N10 dan KPSL kepada PT(P/O) Gred N9 atau PT(K)

	<p><b>Jabatan Pertanian Negeri Pahang</b></p> <p><b>Majlis Daerah Raub</b></p> <p><b>Pejabat Daerah Kuala Lipis</b></p> <p><b>Majlis Daerah Temerloh</b></p> <p><b>Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang</b></p> <p><b>Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang</b></p> <p><b>Majlis Perbandaran Pulau Pinang</b></p> <p><b>Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang</b></p>		<p>Gred N9</p>
--	---	--	----------------

Bil (1)	Nama Skim Jumud dan Gred Gaji SSB (2)	Kementerian/Jabatan/ Agensi (3)	Tukar Lantik Kepada Skim SSB (4)	Peluang Kemajuan Kerjaya (5)
		<p>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan</p> <p>Jabatan Pengairan Dan Saliran</p> <p>Jabatan Kerja Raya - Ibu Pejabat</p> <p>Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan</p> <p>Jabatan Kerja Raya Negeri Perak</p> <p>Jabatan Perikanan</p> <p>Jabatan Pertanian</p>		

		<p><b>Negeri Pahang</b></p> <p><b>Jabatan Pengairan</b></p> <p><b>Dan</b></p> <p><b>Saliran Negeri Perak</b></p> <p><b>Kementerian</b></p> <p><b>Pertahanan Malaysia</b></p>		
21.	<p>Kerani/Jurutaip</p> <p>Gred N11-3</p>	<p><b>Jabatan Kastam Dan</b></p> <p><b>Eksais Diraja</b></p> <p><b>Malaysia</b></p>	<p><b>PTR</b></p> <p><b>Gred</b></p> <p><b>N11-3</b></p> <p><b>(KUP)</b></p>	<p>Berpeluang</p> <p>dipertimbangkan</p> <p>kenaikan pangkat kepada</p> <p>PTR</p> <p>Gred N10 dan KPSL</p> <p>kepada</p> <p>PT(P/O) Gred N9 atau</p> <p>PT(K)</p> <p>Gred N9</p>
	<p>Kerani/Jurutaip</p> <p>Gred N11-2</p>	<p><b>Jabatan Laut Sarawak</b></p>	<p><b>PTR</b></p> <p><b>Gred</b></p> <p><b>N11-2</b></p> <p><b>(KUP)</b></p>	<p>Berpeluang</p> <p>dipertimbangkan</p> <p>kenaikan pangkat kepada</p> <p>PTR</p> <p>Gred N10 dan KPSL</p> <p>kepada</p>

				PT(P/O) Gred N9 atau PT(K) Gred N9
--	--	--	--	--

Bil (1)	Nama Skim Jumud dan Gred Gaji SSB (2)	Kementerian/Jabatan/ Agensi (3)	Tukar Lantik Kepada Skim SSB (4)	Peluang Kemajuan Kerjaya (5)
22.	Merinyu Tuak  Gred N9	<b>Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia</b>	<b>PT(P/O) Gred N9</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PT(P/O) Gred N7 dan KPSL kepada PPT Gred N6
23.	Penjual Tuak Kanan Gred N11	<b>Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia</b>	<b>PTR Gred N11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PTR Gred N10 dan KPSL kepada PT(P/O) Gred N9 atau PT(K) Gred N9
24.	Penunggu Rumah Kedai Tuak Gred N13	<b>Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia</b>	<b>PAR Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan
25.	Penarik Rantai Gred R11	<b>Jabatan Tanah dan Galian Wilayah</b>	<b>PRA Gred</b>	Berpeluang dipertimbangkan

		<b>Persekutuan</b>	<b>R11</b>	kenaikan pangkat kepada PRA Gred R10 dan KPSL kepada PRAK Gred Gred R10, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 dan Operator Loji Gred N10
26.	Pembantu Tanah Gred N13	<b>Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan</b>	<b>PAR Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan
27.	Penyapu Limbungan Gred R11	<b>Kementerian Pengangkutan Malaysia</b>	<b>PRA Gred R11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRA Gred R10 dan KPSL kepada PRAK Gred Gred R10, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 dan Operator Loji Gred N10

28.	Pelatih Pengimpalan Gred R11	<b>Majlis Bandaraya Johor Bahru</b>	<b>PRA Gred R11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRA Gred R10 dan KPSL kepada PRAK Gred Gred R10, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 dan Operator Loji Gred N10
-----	------------------------------------	---	-----------------------------	--

Bil (1)	Nama Skim Jumud dan Gred Gaji SSB (2)	Kementerian/Jabatan/ Agensi (3)	Tukar Lantik Kepada Skim SSB (4)	Peluang Kemajuan Kerjaya (5)
29.	Pelatih Tukang  Kayu  Gred R11	<b>Majlis Bandaraya Johor Bahru</b>  <b>Majlis Daerah Pontian</b>	<b>PRA Gred R11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRA Gred R10 dan KPSL kepada PRAK Gred Gred R10, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 dan Operator Loji Gred N10
30.	Pelatih Tukang  Batu  Gred R11	<b>Majlis Bandaraya Johor Bahru</b>	<b>PRA Gred R11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRA Gred R10 dan KPSL kepada PRAK Gred Gred R10, Pemandu

				Kenderaan Bermotor Gred R10 dan Operator Loji Gred N10
31.	Anak Perahu Gred A11	<b>Kementerian Penerangan Malaysia</b>	<b>Kelasi/ Jurumudi Gred A11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada Kelasi/Jurumudi GredA10 dan KPSL kepada Serang Gred A7
32.	Pemandu/Injin Sangkut Motobot Gred A11	<b>Kementerian Penerangan Malaysia</b>	<b>Kelasi/ Jurumudi Gred A11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada Kelasi/Jurumudi GredA10 dan KPSL kepada Serang Gred A7
33.	Pegawas Pasar Gred N11	<b>Majlis Daerah Dungun</b>	<b>PTR Gred N11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PTR Gred N10 dan KPSL

				<p>kepada PT(P/O) Gred N9 atau PT(K) Gred N9</p>
34.	<p>Pembantu Penyelenggara Stor Gred N11</p>	<p><b>Pihak Berkuasa Tempatan</b></p>	<p><b>PTR Gred N11</b></p>	<p>Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PTR Gred N10 dan KPSL kepada PT(P/O) Gred N9 atau PT(K) Gred N9</p>
35.	<p>Pegawai Kawasan Bukit Gred N11</p>	<p><b>Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang</b></p>	<p><b>PTR Gred N11</b></p>	<p>Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PTR Gred N10 dan KPSL kepada PT(P/O) Gred N9 atau PT(K) Gred N9</p>

<b>Bil</b>	<b>Nama Skim Jumud dan Gred Gaji SSB</b>	<b>Kementerian/Jabatan/ Agensi</b>	<b>Tukar Lantik Kepada Skim SSB (4)</b>	<b>Peluang Kemajuan Kerjaya</b>
<b>(1)</b>	<b>(2)</b>	<b>(3)</b>		<b>(5)</b>
	Pegawai Kawasan Bukit Gred R10	<b>Pejabat Daerah Timur Laut Pulau Pinang</b>	<b>PRA Gred R10</b>	KPSL kepada PRAK Gred Gred R10, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 dan Operator Loji Gred N10
36.	Apprantis Tukang Mahir/ Separuh Mahir/ Tidak Mahir Gred R11	<b>Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang Jabatan Kerja Raya - Ibu Pejabat</b>	<b>PRA Gred R11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRA Gred R10 dan KPSL kepada PRAK Gred Gred R10, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 dan Operator Loji Gred N10
37.	Bakal Tukang	<b>Majlis Perbandaran</b>	<b>PRAK</b>	Berpeluang

	Gegas Gred R10	<b>Kuantan</b>	<b>Gred R10</b>	dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRAK Gred R9 dan KPSL kepada Operator Loji Gred R8
38.	Bakal Tukang Kimpal Gred R10	<b>Majlis Perbandaran Kuantan</b>	<b>PRAK Gred R10</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRAK Gred R9 dan KPSL kepada Operator Loji Gred R8
39.	Tukang Elektrik Gred R10	<b>Jabatan Kerja Raya - Ibu Pejabat</b>	<b>PRAK Gred R10</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRAK Gred R9 dan KPSL kepada Operator Loji Gred R8
40.	Pemasang Aerial Gred R11	<b>Jabatan Kerja Raya - Wilayah Persekutuan</b>	<b>PRAK Gred R10</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRAK Gred R9 dan KPSL kepada Operator Loji Gred R8

41.	Pekerja Pelatih Gred R11	<b>Jabatan Kerja Raya - Negeri Sembilan</b>	<b>PRA Gred R11</b>	Berpeluang dipertimbangkan kenaikan pangkat kepada PRA Gred R10 dan KPSL kepada PRAK Gred Gred R10, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 dan Operator Loji Gred N10
42.	Penyelenggara Bangunan Gred N13	<b>Majlis Perbandaran Kuala Terengganu</b>	<b>PAR Gred N13</b>	* KPSL kepada 13 skim perkhidmatan berkenaan

**LAMPIRAN A1**

**SENARAI SKIM-SKIM PERKHIDMATAN JUMUD  
YANG DITANGGUHKAN PERTUKARAN PELANTIKAN  
SKIM-SKIMNYA KEPADA SKIM PERKHIDMATAN  
SISTEM SARAAAN BARU (SSB) YANG TIDAK JUMUD**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Skim Jumud</b>	<b>Nama Agensi</b>
1.	Penyelia Kandang Haiwan Gred G10	Kementerian Kesihatan Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia
2.	Penjilid Buku Gred N13	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
3.	Pembantu Arkib Rendah Gred S9	Jabatan Arkib Negeri Sabah
4.	Pembantu Veterinar Rendah	Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan

<b>Bil.</b>	<b>Nama Skim Jumud</b>	<b>Nama Agensi</b>
	Gred G9	Perusahaan Ternak Negeri Sarawak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
5.	Penyelia Rendah Bangunan Gred N13	Majlis Daerah Besut
6.	Penyelenggara Alat Gred N11	Kementerian Penerangan Malaysia
7.	Juruproses Filem X-Ray Gred U13	Universiti Sains Malaysia Hospital Universiti
8.	Penyelia Pengasuh Pelajar Gred N11	Kementerian Pendidikan Malaysia
9.	Pembuat Set Gred N9	Radio Televisyen Malaysia
10.	AMRA Gred KP10	Kementerian Pertahanan Malaysia Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia
11.	Pemungut Sewa Gred N12	Majlis Perbandaran Pulau Pinang

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| 12. | Pembantu Pertanian Rendah<br>Gred G10   | Universiti Teknologi Malaysia<br>Jabatan Pertanian Labuan Wilayah<br>Persekutuan Labuan<br>Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| 13. | Jururakam Suara<br>Gred B7              | Kementerian Kesihatan Malaysia  |
| 14. | Atendan Worksyop<br>Gred N13            | Institut Penyelidikan Teknologi<br>Nuklear Malaysia   |
| 15. | Elektrokardiografer<br>Gred U13 dan U14 | Hospital Universiti   |
| 16. | Pembantu Rendah Perikanan<br>Gred G10   | Jabatan Perikanan<br>Kementerian Pertanian Malaysia   |
| 17. | Pegawai Rumah Laki-Laki<br>Gred S10     | Jabatan Kebajikan Masyarakat  |
| 18. | Pembantu Luar Pertanian<br>Gred G10     | Pejabat Setiausaha Kerajaan<br>Negeri Perak<br>Jabatan Kebun Bunga Pulau<br>Pinang<br>Jabatan Pertanian Negeri Sembilan |

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| 19. | Bakal Tukang Mahir/<br>Separuh Mahir/Tidak Mahir<br>Gred R7 | Jabatan Kerja Raya Ibu Pejabat<br>Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau<br>Pinang |
| 20. | Penolong Penjilid<br>Gred N12                               | Jabatan Arkib Negeri Sabah  |
| 21. | Pegawai Kecil Pejabat Tanah<br>Tingkatan 3, Gred N13        | Pejabat Setiausaha Kerajaan<br>Negeri Pahang                                |
| 22. | Tukang Pelatih Cetak<br>Gred R11                            | Kementerian Belia dan Sukan<br>Malaysia                                     |
| 23. | Pengawas Pasar<br>Gred N12                                  | Lembaga Kemajuan Pahang<br>Tenggara   |
| 24. | Penolong Pengawas<br>Rumahtangga<br>Gred S10                | Pejabat Setiausaha Kerajaan<br>Negeri Sarawak                               |
| 25. | Pembuat Model<br>Gred J9                                    | Cawangan Bangunan<br>Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya                         |
| 26. | Pembantu Pertanian Rendah<br>Luar Bandar<br>Gred G11        | Pejabat Setiausaha Kerajaan<br>Negeri Sabah                                 |

- |     |  |  |
|-----|--|--|
| 27. | Guru Agama (PPPS)<br>Gred DG7                      | Pejabat Setiausaha Kerajaan<br>Negeri Sabah  |
| 28. | Guru Agama (PPPBS)<br>Gred DG8                     | Pejabat Setiausaha Kerajaan<br>Negeri Sabah  |
| 29. | Pembantu Ekonomi<br>Rumahtangga Rendah<br>Gred S10 | Pejabat Setiausaha Kerajaan<br>Negeri Sabah  |
| 30. | Pembantu Pemelihara<br>Gred S9                     | Pejabat Setiausaha Kerajaan<br>Negeri Sabah  |
| 31. | Pemandu Lokomotif<br>Gred A9                       | Pejabat Setiausaha Kerajaan<br>Negeri Sabah  |
| 32. | Pemelihara Hutan<br>Gred II G3                     | Institut Penyelidikan Perhutanan<br>Malaysia |
|     | Pemelihara Hutan<br>Gred II G3, G2                 | Institut Penyelidikan Perhutanan<br>Malaysia |
|     | Pemelihara Hutan<br>Gred II G2                     | Jabatan Perhutanan<br>Semenanjung Malaysia   |
|     | Pemelihara Hutan<br>Gred II G3                     | Jabatan Perhutanan<br>Semenanjung Malaysia   |

Pemelihara Hutan

Gred II G2, G3

Jabatan Perhutanan Negeri

Pahang

Pemelihara Hutan

Gred II G3

Jabatan Perhutanan Negeri

Sarawak

## KAJIAN IMPLIKASI KEWANGAN

PERKHIDMATAN		JENIS KEPUTUSAN	RUJUKAN SYARAT, ARAHAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM DAN TARIKH	TARIKH KUAT-KUASA	GRED GAJI ASAL DAN TANGGAGAJI	GRED GAJI BARU DAN TANGGAGAJI	SENARAI NAMA PEGAWAI YANG TERLIBAT	JUMLAH TUNGGAKAN YANG DIBAYAR	MATAGAJI BARU	NOMBOR KAD PENGENALAN PEGAWAI
SKIM	KLASIFIKASI									
		[ 1 ]		[ 2 ]	[ 3 ]	[ 4 ]		[ 5 ]		
		[ d ]*								

Nota : (1) Jabatan hendaklah mengisi ruang ini dengan menggunakan kod-kod berikut:-

- \* Kod (d) bermaksud penggedan skim perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam
- [ 2 ] Sila nyatakan tarikh dan tempoh berkuatkuasa secara isyarat dan secara sebenar.
- [ 3 ] & [ 4 ] Sila nyatakan kod gaji, tanggagaji dan Laporan Gaji yang berkenaan
- [ 5 ] Jumlah tunggakan ialah perbezaan gaji yang dibayar sebelum dan selepas keputusan.

Catatan : Sila hantar balik lampiran ini kepada Cawangan Gaji, Bahagian Saraan, Aras 9 - 10, Blok C2, Parcel C Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62510 PUTRAJAYA

**Lampiran C**

(Nama pihak berkuasa melantik \_\_\_\_\_

bagi agensi yang menerima \_\_\_\_\_

pertukaran pelantikan anggota) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Bil.

Tarikh.

Nama : ( \_\_\_\_\_ nama anggota \_\_\_\_\_ )

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Tuan/Puan:

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN KE (nama jawatan dan skim perkhidmatan) DI (nama agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan sukacita memaklumkan bahawa tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke jawatan (nama jawatan dan skim perkhidmatan) di (nama agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota) di bawah klasifikasi (nama klasifikasi perkhidmatan) dengan gaji RM \_\_\_\_\_ gred \_\_\_\_\_ mulai pada (tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan) dan syarat-syarat perkhidmatan seperti berikut:

- (a) tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan di **Lampiran C1**.
- (b) jika tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, tuan/puan perlu menjawab dalam tempoh (tempoh tawaran opsyen yang ditetapkan) hari dari tarikh surat tawaran ini dan melaporkan diri untuk memulakan tugas jawatan (nama jawatan dan skim perkhidmatan) di (nama agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota) pada (tarikh kuatkuasa pertukaran pelantikan ini).

2. Tuan/Puan dikehendaki menandatangani kertas opsyen seperti di **Lampiran C2** dan mengembalikannya kepada (nama pihak berkuasa melantik yang menawarkan opsyen) dalam tempoh yang dinyatakan di perenggan 1(b) di atas.

Sekian, terima kasih.

Saya menurut perintah,

.....  
( )

[Nama pegawai dan pihak berkuasa melantik  
agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota]

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI  
OPSYEN KEPADA SKIM PERKHIDMATAN TETAP SSB  
( BAGI ANGGOTA TETAP SAHAJA)**

---

1. Kerajaan telah memutuskan supaya **OPSYEN**  
anggota-anggota dalam skim perkhidmatan  
sekarang ditukar lantik kepada skim  
perkhidmatan tetap SSB. Tuan/puan  
dengan ini diberi opsyen sama ada  
bersetuju untuk ditukar lantik kepada (skim  
perkhidmatan) di (nama agensi yang  
menerima pertukaran pelantikan penama)  
ataupun kekal dalam perkhidmatan  
sekarang secara Khas Untuk Penyandang  
(KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**
2. Tuan/puan diberi tempoh selama 30 hari **TEMPOH**  
mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan **MEMBUAT**  
untuk membuat pilihan. Jika tuan/puan **OPSYEN**  
tidak membuat pilihan dalam tempoh

tersebut, atau gagal mengembalikan kertas opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini.

- |  |   |
|--|---|
| 3. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan ditawarkan gred jawatan dan gaji yang setaraf dengan gaji dan gred jawatan tuan/puan sekarang.  | <b>JAWATAN DAN<br/>GAJI YANG<br/>DITAWARKAN</b>                                       |
| 4. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukan di dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. Gelaran jawatan tuan/puan jika perlu akan diubahsuaikan mengikut skim perkhidmatan tersebut. | <b>PENAKLUKAN DI<br/>BAWAH SYARAT<br/>DAN<br/>PERATURAN<br/>PERKHIDMATAN<br/>BARU</b> |
| 5. Tuan/puan akan ditukar lantik kepada skim   | <b>GAJI DAN</b>   |

perkhidmatan yang baru dan gaji  
tuan/puan di jawatan yang baru akan  
ditetapkan pada matagaji yang tertinggi  
berhampiran dengan gaji akhir yang  
diterima semasa berkhidmat dalam  
perkhidmatan sekarang. Tarikh  
pergerakan gaji tuan/puan akan

**TARIKH**  
**PERGERAKAN**  
**GAJI**

berubah berdasarkan kepada tarikh  
kuatkuasa pertukaran pelantikan tuan/puan.

6. Jika tuan/puan telah disahkan dalam  
perkhidmatan sekarang, tuan/puan akan  
dikecualikan daripada syarat tempoh  
percubaan dalam perkhidmatan baru yang  
tuan/puan ditukar lantik. Oleh itu, Ketua  
Jabatan tuan/puan hendaklah  
memperakukan kepada Pihak Berkuasa  
Melantik berkenaan untuk mengesahkan  
tuan/puan dalam perkhidmatan baru bila-bila  
masa selepas pertukaran pelantikan  
dikuatkuasakan.

**ANGGOTA**  
**YANG TELAH**  
**DISAHKAN**  
**DALAM**  
**PERKHIDMATAN**

7. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan sekarang adalah dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan itu di dalam skim perkhidmatan baru dengan memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Pengecualian hanya boleh diberi bagi syarat (sepenuhnya atau sebahagian) yang telah dipenuhi dalam perkhidmatan sekarang.
8. Kekananan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini adalah tidak berubah.
9. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum diberi taraf berpencen semasa ditukar lantik, akan diberi opsyen pada tarikh pengesahan samada memilih skim pencen atau skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Jika tuan/puan memilih skim pencen, tempoh perkhidmatan tuan/puan yang lepas boleh
- ANGGOTA  
YANG BELUM  
DISAHKAN  
DALAM  
PERKHIDMATAN**
- KEKANANAN**
- TARAF  
BERPENCEN  
DIKEKALKAN**

dimasuk kira bagi maksud pengiraan faedah persaraan sekiranya didapati layak mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa.

- |   |   |
|---|---|
| 10. Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan selaras dengan peruntukan Perintah Am 39 Bab A, 1973.   | <b>TARAF<br/>BERPENCEN<br/>DIKEKALKAN</b> |
| 11. Tuan/puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tuan/puan semasa dalam perkhidmatan sekarang ke dalam perkhidmatan yang baru mengikut syarat dan peraturan yang berkuatkuasa. Pengumpulan cuti ini termasuklah bagi tujuan pemberian anugerah wang tunai. Tempoh perkhidmatan tuan/puan dalam perkhidmatan | <b>MEMBAWA<br/>BAKI CUTI<br/>REHAT</b>    |

sekarang boleh diambil kira untuk menentukan jumlah cuti rehat yang tuan/puan layak dalam perkhidmatan baru.

12. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua seperti mana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan.

**PENEMPATAN**

13. Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

**KETUA**

**PERKHIDMATAN**

14. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini adalah tertakluk kepada peraturan perkhidmatan, pekeliling/surat pekeliling dan panduan serta perintah atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

**MEMATUHI**

**PERATURAN**

15. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan dengan syarat telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam perkhidmatan sekarang.

**SYARAT  
PELANTIKAN  
YANG  
DIKECUALIKAN**

16. Tuan/puan tidak berhak dan tidak boleh kembali ke perkhidmatan asal tuan/puan kerana dengan berkuatkuasanya pertukaran pelantikan ini hubungan tuan/puan dengan jawatan sekarang adalah terputus kecuali bagi tujuan pemberian kemudahan cuti, pinjaman dan faedah pencen.

**HUBUNGAN  
DENGAN  
PERKHIDMATAN  
LAMA**

17. Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2001**.

**TARIKH  
KUATKUASA**

**KERTAS OPSYEN**

-----  
-----

Fail Rujukan:

Tarikh:

Kepada:

(Nama pihak berkuasa melantik)

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Melalui Ketua Jabatan:

(Nama Ketua Agensi \_\_\_\_\_)

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tuan:

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN DARI (nama skim  
perkhidmatan di agensi hakiki) DI (nama agensi hakiki  
KE (nama skim perkhidmatan di agensi yang menerima pertukaran  
pelantikan)  
DI (nama agensi yang menerima pertukaran pelantikan anggota) MELALUI  
OPSYEN**

Berhubung dengan surat tuan bil. \_\_\_\_\_

bertarikh \_\_\_\_\_

mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat opsyen seperti berikut:

- (a) \*bersetuju untuk menerima pertukaran pelantikan dari perkhidmatan (nama jawatan dan skim perkhidmatan sekarang) di (nama agensi hakiki) di bawah Klasifikasi \_\_\_\_\_ ke perkhidmatan (nama jawatan dan skim perkhidmatan yang baru) di (nama agensi yang menerima anggota) dengan menerima gaji sebanyak RM \_\_\_\_\_ sebulan atas gred gaji \_\_\_\_\_ dan syarat - syarat yang dinyatakan didalam surat tawaran dan **Lampiran C1**;

ATAU

- (b) \*tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan dari (nama jawatan dan skim perkhidmatan sekarang) di (nama agensi hakiki) ke (nama jawatan dan skim perkhidmatan yang baru) di bawah Klasifikasi \_\_\_\_\_ di (nama agensi yang menerima anggota) dan dengan ini bersetuju kekal dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga saya meninggalkan perkhidmatan.

2. Saya sesungguhnya faham maksud kandungan surat tawaran tuan di atas dan implikasi opsyen ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan:.....

Nama Penuh:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Jawatan:.....

Alamat:.....

.....

Tarikh:.....

Di hadapan:

-----  
-----

SAKSI\*\*

(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Jawatan:.....

Tarikh:.....

\* potong yang tidak sesuai

\*\* Ketua Jabatan atau pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

## LAMPIRAN D

**SENARAI SKIM PERKHIDMATAN JUMUD  
(SEBELUM SSB, SEMASA SSB DAN SKIM PERKHIDMATAN AD HOC)  
UNTUK URUSAN PERTUKARAN KEPADA  
SKIM PERKHIDMATAN SSB YANG TIDAK JUMUD  
(PERENGGAN 10 SPP BIL. 3 TAHUN 2001)**

AGENSI :

BIL	NAMA SKIM DAN KLASIFIKASI SEKARANG	RINGKASAN TUGAS YANG DIJALANKAN	GRED GAJI SSB	BILANGAN ANGGOTA TERLIBAT	BILANGAN JAWATAN	DARI SEGI STRUKTUR AGENSI YANG BERKENAAN			SKIM PERKHIDMATAN BARU YANG DICADANGKAN
						SKIM PERKHIDMATAN YANG MENYELIA KERJA ANGGOTA (7)	SKIM PERKHIDMATAN YANG BERTUGAS DIBAWAH PENYELIAAN ANGGOTA (8)	SKIM PERKHIDMATAN YANG SETARAF YANG BERTUGAS DENGAN ANGGOTA (9)	
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)
		Sila sertakan ringkasan tugas seperti <b>Lampiran D1</b>		Sila sertakan maklumat lengkap seperti di <b>Lampiran D1</b>					

**Catatan :**

Skim perkhidmatan ad-hoc yang terlibat adalah seperti yang telah diedarkan kepada semua agensi melalui surat-surat JPA(S) 324/1/7-1 SK 3 bertarikh 7.2.92, JPA(S) 325/1/7-1 KIL 3 (6) bertarikh 25.3.92 dan JPA(S)324/1/7-1 KIL 6 (12) bertarikh 14.7.94

LAMPIRAN D1

**MAKLUMAT LENGKAP ANGGOTA SKIM PERKHIDMATAN JUMUD  
(SEBELUM SSB, SEMASA SSB DAN SKIM PERKHIDMATAN AD-HOC)  
UNTUK URUSAN PERTUKARAN PELANTIKAN KEPADA  
SKIM PERKHIDMATAN SSB YANG TIDAK JUMUD  
(PERENGGAN 10 SPP BIL. 3 TAHUN 2001)**

AGENSI :

<b>BIL.</b> (1)	<b>NAMA ANGGOTA</b> (2)	<b>TARIKH LANTIKAN</b> (3)	<b>UMUR ANGGOTA</b> (4)	<b>KELAYAKAN ANGGOTA</b> (5)	<b>RINGKASAN TUGAS YANG DIJALANKAN</b> (6)